

# → MASYARAKAT

**Charles (lima dari kanan) bersama Mohamad Yasid (empat dari kanan) pada perasmian Gravit8 Streetball 3 On 3 Challenge di Taman Tasik Rekreasi Gravit8, Klang, semalam.**



[FOTO FAIZ ANUAR/BH]

## GRAVIT8 TREETBALL 3 ON 3 CHALLENGE

# Kejohanan berpotensi jadi acara tahunan

➔ 600 sertai anjuran kali pertama

Oleh Ruwaida Md Zain  
bhnews@bh.com.my

▮ Klang

**K**ejohanan Gravit8 Streetball 3 on 3 Challenge 2019 anjuran Kumpulan Mitraland yang julung kali diadakan semalam mendapat 600 penyertaan.

Timbalan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Mitraland, Chuah Theong Yee, berkata program itu dianjurkan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Klang (MPK) dan Kelab Bola Keranjang Klang.

"Terdapat enam kategori, terdiri daripada kanak-kanak dan remaja U12, U14, U16, U18 serta Terbuka Lelaki, memabatkan 200 kumpulan dengan setiap kumpulan terdiri daripada tiga ahli.

"Kami sangat berbangga menjadi penaja lokasi dan penganjur bersama acara ini. Sukan adalah kuasa membangunkan kemahiran hidup, menyatukan masyarakat, bangsa dan agama, mengajar erti kerjasama dan ketekunan.

"Melalui pertandingan ini, kami berharap dapat menggalakkan lebih ramai belia menjadi aktif dan masyarakat dapat menikmati keindahan serta kemudahan 'Lakepark'," katanya.

Beliau berkata demikian selepas perasmian oleh Ahli Parlimen Klang, Charles Santiago dan Yang Dipertua MPK, Datuk Mohamad Yasid Bidin di Gravit8 Sales Gallery, Kota Bayuemas, Pendamar, semalam.

Yang turut hadir, Ahli Majlis MPK, Gan Ee Chai dan

Pengarah Eksekutif Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor, Adi Faizal Ahmad Tarmizi.

Theong Yee berkata, pihaknya akan sentiasa bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk aktiviti yang memabatkan masyarakat.

"Lokasi ini sangat bagus untuk kita berkumpul. Oleh sebab itu setiap tahun kami mengadakan pelbagai aktiviti di sini, malah sudah empat kali larian amal diadakan di sini termasuk tahun lalu dengan 3,000 penyertaan.

"Program hari ini sangat menarik dan berpotensi jadi acara tahunan. Kami juga sedang mengenali pasti dan meneroka lebih banyak aktiviti sihat untuk masyarakat," katanya.

### Galak belia sertai

Sementara itu, Mohamad Yasid berkata, MPK amat menggalakkan belia menyertai aktiviti sebegini berbanding bermain bola di internet menerusi gajet.

"Jadi program ini penting kerana mereka sendiri dapat merasai sukan secara fizikal, malah membentuk generasi akan datang yang sihat.

"Saya harap program ini turut diteruskan di tempat lain pada masa depan dan ada pihak lain sanggup menyahut cabaran mengadakan program sebegini kerana MPK sentiasa sokong dan akan bantu apa yang perlu," katanya.

Charles juga sependapat dengan Mohamad Yasid kerana program itu mampu membawa golongan muda keluar daripada kehidupan yang terlalu bergantung pada gajet.